



**TAWARAN PENAJAAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM (JPA)
BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN PERINGKAT PERSEDIAAN DAN IJAZAH
PERTAMA DI BAWAH PROGRAM KHAS JEPUN, KOREA, PERANCIS
DAN JERMAN (JKPJ) TAHUN 2021**

1. PENGENALAN

Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2020 bagi kali pertama untuk mendapatkan penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam bentuk Pinjaman Boleh Ubah (PBU) di bawah Program Khas Jepun, Korea, Perancis, dan Jerman (JKPJ) Tahun 2021.

Program penajaan ini dibuka kepada semua pelajar lepasan SPM tahun 2020 yang berminat dalam bidang **kejuruteraan, sains dan teknologi (S&T) dan sains sosial di negara Jepun, Korea, Perancis dan Jerman**. Pelajar akan ditaja untuk mengikuti program persediaan sebelum melanjutkan pengajian ke peringkat Diploma atau Ijazah Pertama di negara-negara berkenaan.

2. STRUKTUR PENGAJIAN PROGRAM KHAS JKPJ

Struktur pengajian bagi Program Khas JKPJ adalah seperti berikut:

PROGRAM/ TEMPAT	PERSEDIAAN			IJAZAH
	KOLEJ	KURSUS	TEMPOH	
Kejuruteraan Teknikal Jepun	INTEC Education College	Persediaan Teknikal Jepun	24 bulan	Dip. : 3 tahun I.P. : 2 tahun

PROGRAM/ TEMPAT	PERSEDIAAN			IJAZAH
	KOLEJ	KURSUS	TEMPOH	
Khas Korea	1) INTEC Education College 2) Pusat Pengajian Bahasa di Seoul National University (SNU), Korea	Persediaan dan Sijil Bahasa	1) 9 bulan 2) 12 bulan	CGPA 3.75 Ke Atas – I.P. : 4 tahun
				CGPA 3.74 Ke Bawah – Dip. : 2 tahun I.P. : 2 tahun
Khas Perancis	1) INTEC Education College 2) Institut Universitaire de Technologie (IUT) yang ditetapkan	Persediaan	1) 1 bulan 2) Persediaan di Perancis (12 bulan)	Diplome d'Ingenieur : 5 tahun
	1) Universiti Kuala Lumpur - Malaysia France Institute (UniKL-MFI) 2) Institut Universitaire de Technologie (IUT) yang ditetapkan		1) 13 bulan 2) 2 bulan (<i>Bridging Program</i>)	DUT : 2 tahun I.P. : 3 tahun
Khas Jerman	1) INTEC Education College 2) Institut Für Internationale Kommunikation (IIK)	A-Level Jerman dan <i>bridging course</i>	1) 22 bulan 2) 6 bulan	Bch. : 3 tahun Ma. : 2 tahun

PROGRAM/ TEMPAT	PERSEDIAAN			IJAZAH
	KOLEJ	KURSUS	TEMPOH	
	1) Sunway College 2) Carl Duisberg Centren (CDC)	AUSMAT-Jerman dan <i>bridging course</i>	1) 18 bulan 2) 8 bulan	Bch. : 3 tahun Ma. : 2 tahun

Nota:

Dip : Diploma

I.P : Ijazah Pertama

Bch : Bachelor

Ma : Master

DUT : Diplome Universitaire de Technologie

2.1. Program Kejuruteraan Teknikal Jepun

Pelajar yang berjaya ditawarkan penajaan Program Kejuruteraan Teknikal Jepun akan mengikuti kursus persediaan selama 24 bulan di Pusat Persediaan Kajian Teknikal Jepun di INTEC Education College, Shah Alam. Pelajar-pelajar akan menduduki peperiksaan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan, Kebudayaan, Sukan, Sains dan Teknologi Jepun (MEXT) pada akhir tahun dua (2) kursus persediaan.

Pelajar yang lulus peperiksaan tersebut dan memenuhi syarat kemasukan ke kolej-kolej teknikal di Jepun serta memenuhi syarat yang ditetapkan oleh JPA akan meneruskan pengajian kejuruteraan peringkat Diploma selama tiga (3) tahun di Kolej Teknikal di Jepun. Pelajar berpeluang melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Pertama dengan tajaan JPA sekiranya menunjukkan prestasi yang cemerlang di peringkat Diploma dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh JPA serta diterima masuk ke universiti di Jepun. Tempoh pengajian bagi peringkat Ijazah Pertama di Jepun ialah dua (2) tahun.

2.2. Program Khas Korea

Pelajar yang berjaya ditawarkan penajaan di bawah program ini akan mengikuti program persediaan selama sembilan (9) bulan di INTEC Education College, Shah Alam sebelum melanjutkan pengajian peringkat persediaan dan Sijil Bahasa selama 12 bulan di Pusat Pengajian Bahasa yang ditetapkan iaitu Seoul National University (SNU), Korea.

Pelajar yang melepassi Had Kecemerlangan Akademik (HKA) yang ditetapkan Kerajaan akan diteruskan penajaan dalam bidang Kejuruteraan dan Sains dan Teknologi (S&T) melalui dua (2) kaedah iaitu pelajar yang mendapat CGPA 3.75 dan ke atas akan ditawarkan pengajian terus ke peringkat Ijazah Pertama selama empat (4) tahun manakala pelajar yang mendapat CGPA 3.74 dan ke bawah akan ditawarkan pengajian ke peringkat Diploma selama 2 tahun dan Ijazah Pertama 2 tahun.

2.3. Program Khas Perancis

Pelajar yang berjaya ditawarkan penajaan Program Kejuruteraan Perancis akan mengikuti kursus persediaan sama ada di INTEC Education College bagi bidang Kejuruteraan atau di Universiti Kuala Lumpur - Malaysia France Institute (UniKL-MFI) bagi bidang Sains Sosial.

Pelajar yang mengikuti bidang Kejuruteraan akan ditempatkan di INTEC Education College untuk mengikuti kursus persediaan di INTEC selama sebulan dan seterusnya menyambung pengajian persediaan di Perancis selama 12 bulan di *Institut Universitaire de Technologie* (IUT) yang ditetapkan. Program ini dijalankan dengan kerjasama pihak Société Française d'Exportation des Ressources Educatives (SFERE) iaitu wakil yang dilantik oleh Kerajaan Perancis. Prestasi pelajar semasa kursus persediaan di Perancis akan menentukan sama ada pelajar layak atau tidak untuk meneruskan pengajian peringkat Ijazah Pertama selama lima (5) tahun di universiti-universiti terkemuka di Perancis (*Grand Ecole*) atau di IUT.

Bagi pelajar yang berjaya ditawarkan penajaan bagi bidang Sains Sosial, pelajar akan mengikuti kursus persediaan di UniKL-MFI selama 13 bulan dan seterusnya mengikuti *bridging program* di Perancis selama dua bulan. Prestasi pelajar semasa kursus persediaan akan menentukan sama ada pelajar layak atau tidak untuk meneruskan pengajian peringkat Ijazah Pertama selama tiga (3) hingga empat (4) tahun di universiti-universiti terkemuka dalam bidang sains sosial di Perancis (*Sciences Po, Grenoble Ecole de Management* dan *SKEMA Business School*) dalam bidang seperti Hubungan Antarabangsa, Ekonomi, Statistik, *Human Resource*, Sains Politik, Perniagaan Antarabangsa atau Pengurusan Global.

2.4. Program Khas Jerman

Pelajar yang berjaya ditawarkan penajaan Program Khas Jerman akan mengikuti kursus persediaan sama ada di INTEC Education College atau Sunway College. Di INTEC, pelajar mengikuti program A-Level Jerman selama 22 bulan manakala di Sunway College, pelajar mengikuti program Australian Matriculation (AUSMAT) Jerman selama 18 bulan. Pelajar juga akan mempelajari Bahasa Jerman Tahap A1 sehingga B2 dalam tempoh ini.

Seterusnya, pelajar akan mengikuti program persediaan bahasa (*bridging course*) selama 6 hingga 8 bulan di Jerman iaitu di Carl Duisberg Centren (CDC) bagi pelajar Sunway College atau Institut Für Internationale Kommunikation (IIK) bagi pelajar INTEC. Pelajar akan mempelajari Bahasa Jerman Tahap C1 dan akan menduduki peperiksaan TestDaf di akhir *bridging course* sebagai penilaian penguasaan Bahasa Jerman. Keputusan TestDaf merupakan syarat kemasukan bagi pengajian peringkat Bachelor di universiti-universiti Jerman.

Semua pelajar yang lulus dengan jayanya kursus persediaan seterusnya akan ditaja untuk mengikuti pengajian peringkat Bachelor selama tiga (3) tahun di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Jerman bagi bidang Kejuruteraan dan S&T. Pelajar turut berpeluang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Master di Jerman sekiranya menunjukkan prestasi yang cemerlang di

peringkat Bachelor dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Tempoh pengajian peringkat Master adalah selama dua (2) tahun.

Bagi bidang S&T, pelajar boleh memilih bidang-bidang yang berkaitan dengan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) seperti *Artificial Intelligence, Big Data, Internet of Things* atau *Computer Science*.

3. SYARAT – SYARAT PERMOHONAN

Calon-calon yang berminat mestilah memenuhi syarat-syarat umum dan khusus permohonan seperti berikut:

3.1. Syarat Umum

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Mempunyai kesihatan yang baik;
- iii. Ibu dan/atau bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh JPA;
- iv. Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat pengajian yang sama;
- v. Menduduki peperiksaan **SPM 2020 buat pertama kali**;
- vi. Umur belum mencapai 19 tahun (20 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki.

3.2. Syarat Khusus

Perincian bagi syarat khusus mengikut bidang yang ditetapkan adalah seperti berikut:

BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM
(1) Kejuruteraan Jepun INTEC Education College Kod Program: JKPJ 001	Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut: a) Bahasa Melayu; b) Matematik;

BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM
	<p>c) Matematik Tambahan; d) Fizik; dan e) Kimia.</p> <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.
<p>(2) Kejuruteraan</p> <p>Korea INTEC Education College Kod Program: JKPJ 002</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; dan e) Kimia. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.
<p>(3) Sains dan Teknologi</p> <p>Korea INTEC Education College Kod Program: JKPJ 003</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; dan e) Kimia. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.

BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM
<p>(4) Kejuruteraan</p> <p style="text-align: center;">Perancis INTEC Education College Kod Program: JKPJ 004</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; dan e) Kimia. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.
<p>(5) Sains Sosial</p> <p style="text-align: center;">Perancis Uni-MFI Kod Program: JKPJ 005</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; dan d) Dua (2) mata pelajaran yang lain. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.
<p>(6) Kejuruteraan</p> <p style="text-align: center;">Jerman INTEC Education College / Sunway College Kod Program: JKPJ 006</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; dan e) Kimia. <p>Dan</p>

BIDANG / NEGARA PENGAJIAN / KOLEJ PERSEDIAAN	SYARAT / GRED MINIMUM
	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.
<p>(7) Sains dan Teknologi Jerman INTEC Education College Kod Program: JKPJ 007</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A (kombinasi gred A+ dan gred A sahaja) dalam lima (5) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Melayu; b) Matematik; c) Matematik Tambahan; d) Fizik; dan e) Kimia. <p>Dan</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya gred A- dalam dua (2) mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) Bahasa Inggeris; dan b) Sejarah.

4. MEKANISME PERJANJIAN PINJAMAN

Calon-calon yang berjaya ditawarkan penajaan di bawah program ini dan bersetuju untuk ditaja oleh JPA adalah tertakluk kepada terma ikatan perjanjian JPA seperti berikut:

- i. Pinjaman **ditukar kepada biasiswa penuh** dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam setelah tamat pengajian;
- ii. **Bayaran balik sebanyak 25%** daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dalam syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) setelah tamat pengajian;
- iii. **Bayaran balik sebanyak 50%** daripada jumlah pinjaman yang diterima sekiranya pelajar berkhidmat dengan syarikat swasta dalam negara setelah tamat pengajian; dan

- iv. Selain daripada keadaan seperti di atas, pelajar dikehendaki **membayar balik sepenuhnya nilai pinjaman**.

5. PERMOHONAN

- 5.1. Permohonan dibuka secara dalam talian (*online*) di <http://esilav2.jpa.gov.my> selama 14 hari bermula **10 Jun 2021 (Khamis) hingga 23 Jun 2021 (Rabu)**. Permohonan ditutup pada 23 Jun 2021, jam 5.00 petang. Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.
- 5.2. Calon dibenarkan mendaftar, mengemas kini / meminda maklumat permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. Hanya pindaan yang terkini sahaja diambil kira untuk tujuan penyimpanan data. Calon hendaklah memastikan proses permohonan telah sempurna dengan mencetak **Slip Pengesahan Permohonan Program Khas JKPJ Tahun 2021** sebagai bukti permohonan telah dibuat.
- 5.3. **Tawaran penajaan** ini akan disiarkan melalui laman web JPA di <http://www.jpa.gov.my> atau <http://esilav2.jpa.gov.my/>. Calon boleh merujuk **Frequently Ask Question (FAQ)** yang dimuat naik di Portal JPA bagi maklumat lanjut berhubung program yang ditawarkan.
- 5.4. **Pertanyaan mengenai program tajaan dan masalah teknikal** boleh dibuat dengan mengemukakan pertanyaan menerusi emel lepasanspm2021@jpa.gov.my (emel ini hanya aktif dalam tempoh permohonan dibuka sahaja iaitu mulai 10 sehingga 23 Jun 2021).
- 5.5. Sesi **soal jawab secara langsung** juga diadakan sepanjang tempoh permohonan dibuka berdurasi satu (1) jam iaitu pada jam **10.00 – 11.00 pagi** dan **2.30 – 3.30 petang** di pautan meet.google.com/axz-ojpu-fwe. Pautan ini hanya aktif mulai 11 sehingga 23 Jun 2021 pada setiap hari bekerja.

6. STUDENT ASSESSMENT CENTRE (SAC)

Calon yang memohon akan disenarai pendek dan dipanggil untuk menghadiri SAC. Tujuan SAC adalah bagi menyediakan profil interpersonal pelajar, menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA. **Program SAC dijadualkan pada 5 hingga 9 Julai 2021 secara dalam talian.**

7. TARIKH-TARIKH PENTING

Aktiviti	Tarikh / Hari
Permohonan dibuka	10 Jun 2021 (Khamis)
Permohonan ditutup	23 Jun 2021 (Rabu)
Semakan Panggilan SAC	1 Julai 2021 (Khamis)
Tempoh SAC	5 – 9 Julai 2021
Jangkaan Keputusan	30 Julai 2021 (Jumaat)

8. KEPUTUSAN PERMOHONAN

Keputusan permohonan penajaan Program Khas JKPJ ini dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang <http://www.jpa.gov.my> atau <http://esilav2.jpa.gov.my/> selewat-lewatnya pada **30 Julai 2021 (Jumaat) jam 5.00 petang**.

Pelajar yang tidak menerima sebarang notifikasi dalam tempoh 90 hari selepas tarikh permohonan adalah dianggap tidak berjaya.

TAMAT